

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
INSTITUT ASTIN

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1998/99

April 1999

ATW 103- UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN

Masa: [ 3 jam ]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Soalan 1 adalah **WAJIB** dan jawab **TIGA (3)** soalan yang lain. Jawapan anda mesti disokong dengan kes perundangan dan seksyen dari mana-mana akta berkanun yang relevan. Pelajar dibenarkan membawa masuk ke dewan peperiksaan akta-akta berkanun untuk rujukan.

Soalan 1

- (a) Paul telah mengiklankan di dalam suratkhbar STAR pada 1 Januari 1999 bahawa dia akan memberikan wang berjumlah RM2000 kepada sesiapa yang berjaya menemui dan memulangkan anjingnya yang bernama Timmy. Johan telah menemui Timmy selepas membaca iklan tersebut dan terus mengembalikannya kepada Paul. Paul enggan memberikan Johan wang berjumlah RM2,000 sepertimana yang diiklankan. Apakah hak Paul dari segi undang-undang kontrak untuk menuntut wang tersebut?
- (b) Terangkan maksud konsep bahawa 'penerimaan mesti mutlak dan tidak bersyarat' ('absolute and unqualified')
- (c) X bersetuju menjualkan rumahnya yang bernilai RM100,000 kepada Y dengan harga RM50,000 sahaja. Kemudian Y mengubah fikiran dan tidak ingin meneruskan penjualan rumahnya kepada Y di atas alasan bahawa pertimbangan/balasan tidak memadai. Jelaskan kepada X kedudukannya dari segi perundangan.
- (d) Dengan merujuk kepada Akta Kontrak 1950 bincangkan apakah hak-hak satu pihak yang telah memasuki sesuatu kontrak di atas pernyataan palsu ('misrepresentation') pihak yang berkontrak dengannya.

[40 markah]

...2/-

Soalan 2

- (a) Mat telah mengarahkan Siti iaitu agennya untuk membeli sebidang tanah di Kepala Batas. Siti memberitahu Mat bahawa tanah tersebut tidak bernilai. Kemudian Siti telah membeli tanah tersebut di atas namanya sendiri kerana tanah tersebut kaya dengan bijih timah. Perbuatan Siti telah sampai ke pengetahuan Mat dan beliau ingin mengambil tindakan terhadap Siti. Nasihatkan Mat tentang haknya dari segi undang-undang agensi.
- (b) Terangkan dengan ringkas hak seseorang agen menuntut indemniti daripada prinsipalnya sekiranya beliau bertindak mengikut arahan prinsipal dan telah didakwa oleh pihak ketiga.
- (c) Jelaskan dengan ringkas kedudukan seseorang yang berumur 16 tahun yang telah dilantik menjadi agen dan memasuki kontrak bagi prinsipalnya dengan pihak ketiga dari segi undang-undang agensi.
- (d) Pada 1 Februari 1999, Samad telah mengarahkan Katy untuk menjualkan barang dagangannya bagi pihaknya. Beliau juga bersetuju memberikan komisen sebanyak 5% di atas harga jualan barangan tersebut. Melalui surat bertarikh 7 Februari 1999 Samad telah membatalkan kuasa Katy sebagai agen. Surat tersebut diterima oleh Katy pada 10 Februari 1999 setelah beliau menjualkan barangan Samad kepada X pada 8 Februari 1999. Nasihatkan Katy sama ada beliau berkuasa menjualkan barangan Samad pada tarikh tersebut dari segi perundangan.

[20 markah]

Soalan 3

- (a) Terangkan cara yang teratur untuk menarik diri daripada sesuatu perkongsian berdasarkan undang-undang perkongsian.
- (b) Samad dan Abu ingin menjalankan satu perkongsian yang mengendalikan perniagaan menghantar barangan dari kilang ke pelabuhan. Mereka meminta nasihat anda sama ada satu perjanjian perkongsian yang bertulis adalah perlu. Sila terangkan.
- (c) Rahim dan Kiran adalah rakan kongsi dalam satu firma pengiklanan. Kiran menjalankan kegiatan pengedaran dadah dan telah didakwa di bawah Akta Dadah Merbahaya. Rahim khuatir bahawa beliau juga akan disabit kesalahan yang sama kerana status beliau sebagai rakan kongsi Kiran. Apakah kedudukan Rahim berdasarkan undang-undang perkongsian?

...3/-

- (d) Sara berumur 16 tahun dan telah ditawarkan menjadi rakan kongsi di sebuah firma perkongsian yang menjalankan perniagaan sebagai pereka fesyen. Beliau berminat menyertai firma tersebut dan meminta penjelasan daripada anda tentang statusnya dari segi perundangan jika beliau bersetuju menjadi rakan kongsi.

[20 markah]

Soalan 4

- (a) Syarikat Aston sentiasa memesan bola sepak jenama 'Brazil' daripada Syarikat Sport Sdn. Bhd. sejak 1990 lagi. Pada 1 Januari 1999, Syarikat Aston telah memesan bola sepak daripada Syarikat Sport sepertimana di dalam kontrak yang terdahulu. Syarikat Sport telah menghantARSERAHKAN bola sepak dengan kualiti yang sama tetapi jenama yang berlainan. Nasihatkan Syarikat Aston samada ianya boleh menolak/ menyangkal kontraknya. Berikan penjelasan yang ringkas.
- (b) Terangkan dengan ringkas prinsip maxim 'nemo dat quod non habet'.
- (c) Nora adalah pembuat barangan plastik. Azean telah memesan beberapa barangan plastik dan memberitahu Nora bahawa barangan plastik tersebut akan digunakan untuk memanaskan makanan di dalam ketuhar. Azean telah menggunakan barangan plastik tersebut dan didapati ianya lebur apabila dimasukkan ke dalam ketuhar. Nasihatkan Nora dan Azean tentang kedudukan mereka dari segi perundangan.
- (d) Apakah hak-hak seorang penjual yang telah menjualkan barangannya tetapi belum dibayar kesemua harga jualan barangannya di bawah Akta Jualan Barangan 1957?

[20 markah]

Soalan 5

- (a) Jelaskan perbezaan di antara kontrak jual beli dan kontrak sewa beli.
- (b) Linda telah membeli sebuah motosikal melalui kontrak sewa beli daripada syarikat Mui Finance. Beliau telah mendapati kecacatan pada motosikal tersebut yang menyebabkannya tidak berfungsi dengan sempurna. Apakah hak-hak Linda di bawah Akta Sewa Beli 1967.
- (c) Katakan di dalam kes di dalam (b) di atas, motosikal Linda berfungsi dengan sempurna tetapi Linda telah gagal membayar dua ansuran berturut-turut kepada syarikat Mui Finance. Di dalam keadaan ini apakah hak-hak Mui Finance dan hak-hak Linda sendiri di bawah Akta Sewa Beli 1967?

...4/-

- (d) Nyatakan hak dan tanggungan seorang penjamin kepada satu kontrak sewa beli berdasarkan Akta Sewa Beli 1967.

[ 20 markah ]

Soalan 6

- (a) Secara ringkas bincangkan maksud kontrak insurans.
- (b) Samy memiliki sebuah rumah kedai yang diinsuranskan terhadap kebakaran. Di dalam permohonannya untuk insurans, Samy menyatakan bahawa rumah kedai tersebut hanya digunakan sebagai pusat fotokopi. Samy gagal menyatakan bahawa beliau juga menjalankan perniagaan sampingan menjual gas masakan yang disimpan di belakang rumah kedai. Rumah kedai Samy telah terlibat di dalam satu kebakaran. Pihak insurans telah meminta nasihat anda sama ada mereka bertanggungjawab di bawah polisi insurans tersebut. Jelaskan nasihat anda kepada mereka.
- (c) Jelaskan prinsip 'uberrimae fidei' yang menjadi asas kepada kontrak insurans.
- (d) Terangkan dengan ringkas kesan klausa pengecualian ('exemption clause') yang dimasukkan di dalam sesuatu kontrak insurans.

[20 markah]

Soalan 7

- (a) Hajar telah mengemukakan kepada bank BBMB satu cek untuk RM50,000 yang dikeluarkan ('drawn') di atas bank Maybank dan yang digariskan 'A/C Payee sahaja' bagi pihak Hajar Services Sdn. Bhd. BBMB telah mengkreditkan akaun persendirian Hajar dengan jumlah wang tersebut. Sebulan kemudian Hajar Services Sdn. Bhd. telah menuntut daripada BBMB untuk wang berjumlah RM50,000. Berikan penjelasan kepada BBMB samada ianya bertanggungjawab untuk membayar wang tersebut dari segi perundangan.
- (b) Nyatakan keadaan-keadaan di mana sesuatu cek dapat dikembalikan/tidak dilayan ('dishonoured').
- (c) Terangkan dengan ringkas kesan perundangan di mana:
- i) sesuatu 'bil' ditarikhdkan awal.
  - ii) tandatangan di atas 'bil' dipalsukan.
  - iii) 'bil' dikeluarkan ke atas ('drawn on') seorang ahli bank ('banker') oleh seorang pelanggan yang telah meninggal dunia.

[ 20 markah ]

-----ooo000ooo-----